

Qalam

126, Rajab 1380, Januari 1961, 60 sen

Menyambut Pertabalan Yang di-Pertuan Agong

Dengan sukacitanya Qalam menyambut sempena hari pertabalan Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu yang ketiga, Duli Yang Maha Mulia Syed Putra. Kita, bagi pihak umat Islam, mengucapkan tahniah dan rasa syukur akan lantikan baginda. Mudah-mudahan Allah akan melanjutkan usia baginda dan lanjut pemerintahan baginda dengan aman dan sejahtera.

Semenjak Persekutuan Tanah Melayu merdeka, maka telah tiga dengan ini lantikan Yang di-Pertuan Agong. Mudah-mudahan Allah limpahkan berkat dan rahmat-Nya kepada baginda dan memakmurkan negeri di bawah pemerintahan baginda - Amin!

Menyambut Tahun 1961

Tahun 1960 telah lalu dan sekarang kita memasuki tahun 1961. Segala apa yang telah berlaku dan terjadi di hadapan mata kita pada tahun 1960 dahulu hendaknya janganlah terbiar atau tertinggal begitu sahaja.

Dalam kita memasuki tahun 1961 ini, hendaklah kita memandang sejenak ke belakang, bermenung seketika melihat peristiwa yang telah lalu. Berfikirlah kita baik-baik dan tenang-tenang melihat sesuatu yang telah lalu itu. Mana-mana yang baik, hendaklah kita ikut dan kita turut dan ulang - mana-mana yang buruk hendaklah kita jadikan sempadan

supaya kita jangan melakukannya lagi- supaya kita jangan lagi terkena hal yang kita tidak gemari.

Kalau kita perhatikan tahun 1961 ini, maka kalau diselidiki susun angkanya kita akan melihat dengan terang keistimewaannya iaitu kalau kita balik-balikkan angka-angka itu maka datangnya sama iaitu 1961 juga. Angka yang macam ini jauh masanya baharu terjumpa.

Ada orang yang mengertikan bahawa keadaan tahun ini adalah tahun tunggang balik. Setengahnya mentakrifkan tunggang balik itu ialah daripada tahun ini dapat nyata bahawa yang rendah akan ke atas dan yang di atas akan jadi rendah.

Ini adalah telahan-telahan semata-mata – benar atau tidaknya akan dapat kita lihat di dalam perjalanan setahun ini nanti.

Tetapi di dalam apa-apa hal pun kita berharap semoga tahun ini akan membawa kebahagiaan kepada kita. Kita berharap semoga hidup kita khususnya, dan tanah air kita amnya di dalam aman sejahtera terjauh daripada malapetaka - Amin.

Loteri Haram Menurut Keputusan Muzakarah

Majlis Muzakarah Ulama yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Perak yang diadakan di Kuala Kangsar itu telah mengambil keputusan bahawa loteri itu haram menjalankan, haram mengambil dan haram menerimanya. Dengan keputusan itu

Kenyataan

Berhubung dengan sesuatu hal teknik yang tidak dapat dielakkan Majalah Qalam keluaran ini sedikit terlewat penerbitannya. Harap pembaca-pembaca maafkan. Keluarannya yang akan datang *inshā' Allāh* akan terbit dalam waktunya –

Penerbit.

bermakna bahawa wang hasil loteri kebajikan masyarakat itu tidak boleh digunakan kerana maslahat Islam, masjid, madrasah dan sebagainya.

Majlis itu dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Perak. Dengan itu maka keputusan itu sekurang-kurangnya, hendaklah dikuatkuasakan di Perak. Jika kerajaan Perak tidak berhak menahan akan adanya loteri yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu maka sekurang-kurangnya hendaklah



Seluruh masjid-masjid di seluruh dunia Islam akan mengadakan syarahan mengenai kisah “Isrā’ dan Mi’rāj” pada bulan Rajab yang berbahagia ini.

Gambar atas, sebuah masjid yang indah di Timur Tengah.

Pejabat Agama Perak dan ulama-ulama di Perak memohon dan mendatangkan permohonan kepada Yang di-Pertuan Agong supaya mengharamkan loteri itu daripada dijalankan.

Sementara itu hendaklah Pejabat Agama Perak, yang menganjurkan muzakarah itu memberi contoh kepada am bahawa Pejabat Agama Perak menegah madrasah-madrasah dan masjid-masjid di Perak daripada meminta atau menerima wang loteri kebajikan itu sebagai bantuan membina atau menjalankan masjid-masjid dan madrasah-madrasah itu.

Selain itu hendaklah pula Pejabat Agama Perak bertindak untuk meruntuhkan masjid-masjid, kalau ada, yang dibina daripada wang loteri itu sebab sifat masjid itu adalah sebagai masjid *darar* yang dibina daripada wang haram dan telah menerbitkan fitnah-fitnah terhadap kepada am sebab sebahagian pihak telah banyak yang tidak mau sembahyang di masjid yang diketahui mereka dibina daripada wang loteri itu.

Tindakan-tindakan seperti ini mustahak diambil. Pekerjaan menegakkan kalimah Tuhan dan kehormatan agama, jika pihak-pihak orang-orang yang diharap oleh orang-orang Islam, lemah dan segan bertindak maka janganlah diharap maslahat dan kehormatan agama akan dapat terdiri. Bertindaklah di dalam urusan agama dengan tegas, dirikanlah hak itu sekalipun ia pahit. Dengan inilah sahaja kita akan dapat dihormati oleh makhluk dan mendapat kelimpahan daripada Tuhan.

Kalau kita masih banyak berfikir, dan masih banyak silunya dan terlampau banyak menimbang maka janganlah diharap kita akan menerima kehormatan orang bahkan sekalipun agama kita akan dicabar.

Wahai mujahid-mujahid Islam tegakkanlah hak untuk menghapuskan yang batil.